



## International Journal of Entrepreneurship and Management Practices (IJEMP)

Journal Website: <http://ijemp.com/>  
eISSN: 2600-8750



# PENGALAMAN WANITA YANG MENGGUNAKAN PRODUK PELANGSINGAN BERCAMPUR BAHAN TERLARANG

## THE WOMEN'S EXPERIENCE OF USING SLIMMING PRODUCTS MIXED WITH PROHIBITED SUBSTANCES

Yusramizza Md Isa @ Yusuff<sup>1</sup>, Samihah Khalil @ Halim<sup>2</sup>, Rozita Abdul Mutalib<sup>3</sup>

<sup>1</sup> School of Law, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia

Email: yusramizza@uum.edu.my

<sup>2</sup> School of Government, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia

Email: samihah@uum.edu.my

<sup>3</sup> School of Government, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia

Email: rozita@uum.edu.my

### Abstrak:

Peningkatan permintaan daripada pengguna terutamanya dalam kalangan wanita membawa kepada peningkatan kepelbagaiannya produk pelangsingan dalam pasaran. Produk pelangsingan sering menjadi paparan iklan-iklan di media masa. Kecenderungan wanita untuk mendapatkan produk pelangsingan adalah didorong oleh keinginan untuk kelihatan langsing dan cantik. Walau bagaimanapun, tidak semua produk pelangsingan dalam pasaran adalah selamat untuk diambil. Di Malaysia, terdapat produk pelangsingan yang bercampur dengan bahan-bahan terlarang termasuk racun yang senaraikan dalam Akta Racun 1952 dan dadah berbahaya yang disenaraikan dalam Akta Dadah Berbahaya 1952. Oleh yang demikian, penggunaan produk pelangsingan tersebut berpotensi mengakibatkan implikasi negatif kepada aspek kesihatan pengguna. Justeru, kajian ini bertujuan untuk meninjau pengalaman terhadap kesan pengambilan produk pelangsingan yang mempunyai kandungan bahan terlarang dalam kalangan wanita yang terlibat dalam industri yang menuntut mereka berpenampilan menarik serta langsing. Seramai 14 responden yang terdiri daripada peragawati, pramugari dan artis telah ditemubual bagi mendapatkan gambaran tentang trend penggunaan produk pelangsingan. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa semua responden mencapai penurunan berat badan yang diingini setelah mengambil produk pelangsingan. Tetapi, penurunan berat yang diperolehi tidak kekal lama disebabkan oleh amalan diet yang tidak seimbang. Di samping itu, dapatkan kajian mendedahkan bahawa responden turut mengalami gangguan kesihatan termasuk secara fizikal dan emosi sebagai akibat daripada penggunaan produk pelangsingan yang mengandungi bahan terlarang. Berdasarkan dapatkan kajian,

### Article Info:

### Article history:

Received date: 23.12.2019

Revised date: 13.01.2020

Accepted date: 11.03.2020

Published date: 15.03.2020

### To cite this document:

Md Isa @ Yusuff, Y., Khalil @ Halim, S., & Mutalib, R. A. (2019). Pengalaman Wanita yang Menggunakan Produk Pelangsingan Bercampur Bahan Terlarang. International Journal of Entrepreneurship and Management Practices, 3 (9), 31-41.

DOI: 10.35631/IJEMP.39003.

beberapa cadangan dikemukakan iaitu semakan semula terhadap dasar dan garis panduan pekerjaan yang menjadikan saiz dan berat badan sebagai spesifikasi pekerjaan dan pemantapan kaedah pendidikan kepada pengguna bagi meningkatkan ilmu undang-undang serta kepenggunaan mereka.

**Kata Kunci:**

Produk Pelangsingan, Bahan Terlarang, Kriminologi, Wanita

**Abstract:**

Increasing demand from consumers especially among women has led to an increase in the diversity of slimming products in the market. Slimming products are often advertised in the media. Women's tendency to obtain slimming products is driven by their desire to look slim and beautiful. However, not all slimming products in the market are safe to be taken. In Malaysia, there are slimming products that are mixed with illicit substances including the poisons listed in the Poison Act 1952 and the dangerous drugs listed in the Dangerous Drugs Act 1952. The use of slimming products hence has the potential to result in negative implications for the health of consumers. This study aimed to explore the effects of slimming products containing prohibited substances experienced by female consumers who involved in the industries demanding their attractive and slim look. A total of 14 respondents, including models, flight attendants, and artists, were interviewed to get a picture of the slimming product using trend. The findings show that all respondents achieved the desired weight loss after taking slimming products. However, the achieved weight loss did not prolong due to an unbalanced diet practice. In addition, the study found that respondents also suffered from physical and emotional disorders as a result of the use of slimming products containing illicit substances. Based on the findings, a number of suggestions have been submitted, namely, a review of occupational policies and guidelines that make size and weight as a job specification and an enhancement of education methods for consumers to increase their legal knowledge and consumerism.

**Keywords:**

Slimming Products, Prohibited Substances, Criminology, Woman

## **Pengenalan**

Lazimnya, wanita yang berketrampilan menarik dan berkeyakinan dipercayai berpeluang untuk memperolehi kerjaya idaman dan untuk meningkatkan status sosial mereka. Kecantikan menjadi suatu aset bagi wanita. Penampilan yang cantik menjadikan wanita lebih berkeyakinan apabila berhadapan dengan masyarakat umum. Selain penampilan diri yang menarik, tahap kesihatan yang optimum juga semakin dititikberatkan oleh wanita sebagai prasyarat signifikan bagi menjalankan rutin harian sebagai pekerja dan juga pengurus rumahtangga bagi yang telah berkahwin.

Justeru, pelbagai alternatif telah diambil oleh kebanyakan wanita bagi memenuhi tuntutan tersebut. Antara alternatif yang sering dicadangkan ialah melakukan senaman dan menjaga pengambilan makanan. Walau bagaimanapun, bebanan tugas sehari-hari sering menghadkan peluang wanita untuk berbuat demikian. Sebagi akibatnya, kebanyakan mereka mengambil jalan mudah dengan mengambil pelbagai produk kecantikan termasuk pelangsingan yang banyak terdapat di pasaran. Pengambilan produk-produk sedemikian dipercayai dapat

meningkatkan tahap kesihatan dan membantu pengguna untuk kekal cantik dan langsing. Hal ini kerana masyarakat beranggapan bahawa kaedah konvensional seperti amalan pemakanan yang sihat dan bersenam sukar untuk dilaksanakan (Brownell, 1998).

Permintaan yang tinggi terhadap produk kecantikan dan pelangsingan telah menyebabkan industri kecantikan dan penjagaan diri di Malaysia berkembang dengan pesat. Sehingga tahun 2013, anggaran perbelanjaan rakyat Malaysia ke atas produk-produk kecantikan dan penjagaan kesihatan telah mencecah sehingga USD407 juta (Azmi et al., 2016). Pasaran yang luas ini telah menarik ramai pengusaha tempatan dan luar negara untuk menyertai industri kecantikan dan kesihatan.

Walau bagaimanapun tidak semua produk kecantikan dan pelangsingan yang dijual di pasaran selamat untuk digunakan. Misalnya, pada tahun 2016, Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengeluarkan satu senarai 50 produk kecantikan yang diklasifikasikan sebagai beracun dan berbahaya kerana mengandungi bahan-bahan terlarang dan memudaratkan kesihatan pengguna. Antara bahan terlarang atau racun berjadual yang tidak dibenarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) seperti *sildenafil*, agen pemutih iaitu *hydroquinone* dan *tretinoiin* serta agen pelangsing badan seperti *sibutramine* (Norkumala, 2016).

Oleh itu, isu kesan produk pelangsingan yang bercampur dengan bahan terlarang perlu ditangani termasuk melalui kajian empirikal. Kajian ini meneliti sama ada wanita memperolehi kelangsingan badan yang diingini rentetan pengambilan produk pelangsingan yang bercampur bahan terlarang. Kajian ini juga meninjau kesan-kesan kesihatan yang dialami oleh mereka setelah menggunakan produk pelangsingan tersebut.

## Tujuan dan Metodologi

Tujuan kajian ini adalah untuk:

- (i) untuk mengkaji sama ada wanita mencapai kesan pelangsingan yang diingini setelah menggunakan produk pelangsingan yang mengandungi bahan terlarang; dan
- (ii) untuk meninjau kesan-kesan negatif terhadap kesihatan yang ditanggung oleh wanita rentetan penggunaan produk pelangsingan yang mengandungi bahan terlarang.

Bagi mencapai objektif-objektif kajian ini, penyelidik menggunakan pendekatan kualitatif bagi mencapai objektif kajian. Pendekatan ini memberikan peluang kepada penyelidik untuk memahami sesuatu fenomena atau masalah dengan mendalam pengalaman yang dilalui individu dalam sesuatu perkara (Rust et al., 2017; Azizi et al., 2007). Disebabkan pendekatan ini mementingkan teknik pengumpulan data primer dalam persekitaran sebenar, ia membolehkan penyelidik mengakses pengalaman dan tindakan responden secara holistik dalam konteks kehidupan dan pengalaman responden (Denzin & Lincoln, 2011). Dengan itu, pendekatan kualitatif adalah sesuai untuk kajian ini kerana ia berpotensi tinggi untuk memberikan gambaran atau deskripsi yang lebih terperinci tentang sesuatu keadaan dan tingkahlaku responden berbanding pendekatan kuantitatif (Bloor, M., 2016). Penyelidik dapat memahami secara lebih mendalam dan mendapatkan maklumat baru berkaitan kesan penggunaan produk pelangsingan yang mengandungi bahan terlarang kepada aspek penurunan berat badan dan aspek kesihatan pengguna wanita.

Temubual separa berstruktur telah dijalankan sebagai kaedah pengumpulan data bagi aspek penurunan berat badan dan kesan kesihatan secara fizikal serta secara psikologi daripada penggunaan produk pelangsingan oleh responden. Temubual tersebut adalah berdasarkan soalan temubual yang telah dibina terlebih dahulu berteraskan objektif kajian, dapatan kajian

perpustakaan serta temubual awal dengan ahli kimia, peragawan dan pengasas produk pelangsingan. Temubual awal dilakukan bagi memperolehi gambaran tentang senario industri pekerjaan, permintaan terhadap produk pelangsingan dan bahan yang terkandung dalam produk pelangsingan.

Penyelidik telah menggunakan perkhidmatan *gatekeeper recruiter*, mendapatkan bantuan AADK dan mengaplikasikan teknik rantaian bola salji bagi mengurangkan risiko kerugian masa serta kos. Seramai 14 responden wanita daripada pelbagai lapisan umur serta latar belakang pendidikan telah ditemubual. Mereka terdiri daripada industri pekerjaan penerbangan, peragaan dan hiburan (nyanyian, lakonan serta pelayanan tetamu) yang mengutamakan penampilan langsing lagi menarik. Responden diberikan identiti baru melalui penggunaan nama samaran supaya menjaga kerahsiaan identiti mereka.

Pengkaji berpandangan bahawa topik penggunaan produk pelangsingan mungkin bersifat peribadi kepada sesetengah wanita apatah lagi jika melibatkan golongan yang sering mendapat perhatian masyarakat seperti artis. Begitu juga dengan responden daripada bidang pekerjaan sebagai pelayan tamu yang lazimnya enggan identiti mereka diketahui umum. Justeru, adalah sukar bagi penyelidik untuk memperolehi responden yang bersedia untuk membuat pengakuan benar dan berkongsi secara terbuka tentang pengalaman mereka mengenai penjagaan kecantikan melalui pengambilan produk pelangsingan yang mengandungi campuran dadah. Untuk mengatasi masalah tersebut, penyelidik telah mengambil saranan Tyldum (2012) yang mencadangkan agar pengkaji yang menyelidik isu-isu sensitif mengambil langkah seperti menggunakan perkhidmatan *gatekeeper recruiter* dan memberikan insentif kewangan kepada responden kajian yang terdiri daripada kumpulan yang sukar untuk diperolehi.

### Sorotan Karya

Berdasarkan karya-karya yang telah diterbitkan, produk pelangsingan sering menarik perhatian pengguna disebabkan oleh penawaran kesan kesihatan, andaian keselamatan, kebolehcapaian di kedai-kedai khusus serta melalui internet, harga yang berpatutan, pemasaran yang luas dan kekurangan keperluan untuk pengawasan profesional apabila mengambil produk tersebut (Saper et al., 2004; Sharpe et al., 2006; Blanck et al., 2007; Chan, 2009; Jayawardena et al., 2018). Di Malaysia, terdapat usaha kerajaan dalam mengharamkan penjualan beberapa jenis produk pelangsingan yang dikesan boleh mendatangkan masalah kepada pengguna seperti pil yang mengandungi *sibutramine* atau sintetik *sibutramine*. *Sibutramine* adalah ubat terkawal yang digunakan untuk rawatan obesiti. *Sibutramine* berfungsi sebagai penahan lapar dan struktur molekulnya hampir sama dengan *amphetamine*, bahan yang sama untuk dadah jenis syabu atau *ice*. Justeru, ubat-ubatan yang mengandungi *sibutramine* telah ditarik balik pendaftarannya di Malaysia pada 23 Disember 2012 atas sebab peningkatan risiko kesan *adverse kardiovaskular* seperti serangan jantung dan angin ahmar (*stroke*). Penjualan produk-produk ini sebenarnya melanggar Akta Jualan Dadah 1952 dan Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 (Eisah, 2013).

Maklumat pangkalan data dari Pusat Pemonitoran Kesan Advers Ubat Kebangsaan, Agensi Regulatori Farmasi Negara (NPRA) telah mengeluarkan senarai produk yang dicampur barang terlarang *sibutramine* (Bahagian Penguatuasaan Farmasi, 2018). Pengesahan kandungan barang terlarang tersebut dilakukan oleh NPRA rentetan laporan kesan sampingan produk-produk tersebut dan hasil pengujian. Kebanyakan produk tersebut terdiri daripada produk pelangsingan iaitu termasuk *ABC Acai Berry Dietary Supplement*, *ABC Acai Berry Herba Pelangsing*, *Baschi Quick Slimming Capsule*, *De Bella-Litchin Enzim*, *Garcinia Burner 15d*, *Herbal Body Slim*, *Lose Weight Capsule*, *Miss Slim* dan *Surut Ayu*. Selain itu, terdapat produk-

produk pelangsingan dan kecantikan di pelbagai negara yang mengandungi bahan anorektik berasaskan dadah jenis *amphetamine*, antaranya adalah *anorex*, *dinintel*, moderatan, *incital* dan *fenproporex*. Secara umumnya, produk tersebut adalah dalam bentuk pil diet yang berfungsi menahan lapar. Produk tersebut diimport dari luar negara dan boleh didapati dengan mudah di kedai-kedai jamu, pusat kesihatan dan kecantikan serta boleh dibeli secara atas talian.

Pelbagai kesan negatif telah didedahkan sebagai akibat daripada penggunaan produk kecantikan yang mengandungi bahan terlarang dan dadah. Antara kesan sampingan yang akan berlaku adalah seperti risiko kerosakan organ dalaman, masalah fizikal seperti cepat letih dan masalah kognitif seperti halusinasi (Corrigan, 1987; Blume, 1990; Fauziah, et.al, 2013). Malahan kesan-kesan psikotik termasuk perasaan pasif, tidak munasabah, psikosis, halusinasi, keganasan, dan kemurungan ((Torfinski & Chojnacka, 2000; Litvan & Alcoverro-Fortuny, 2007; Fauziah et al., 2013) juga boleh berlaku dalam kalangan pengguna pil diet kerana antara bahan yang terkandung dalam pil diet bagi tujuan pelangsingan dan kecantikan ialah *sibutramine*. Manakala kesan penggunaan dadah secara terus seperti *ice* atau syabu untuk menurunkan berat badan akan mengundang masalah ketagihan dan seterusnya membawa kepada kesan-kesan yang lebih bahaya. Menurut Fauziah dan rakan-rakan (2013), pelbagai kesan boleh berlaku terhadap wanita yang terjebak dengan dadah seperti pelacuran dan AIDS, fizikal menjadi lemah dan mereka mudah khayal serta mengalami tekanan-tekanan lain yang boleh menjurus kepada kes-kes mencerderakan diri sendiri termasuk cubaan membunuh diri. Dalam konteks tempatan, isu kesan penggunaan produk kesihatan adalah lebih menjadi tumpuan kajian klinikal dan kurang menjadi fokus kajian berbentuk kualitatif. Oleh itu, kajian ini akan menyumbang kepada aspek berkaitan kesan-kesan berdasarkan pengalaman pengguna itu sendiri.

### Dapatan Kajian dan Perbincangan

Bahagian ini akan membincangkan dapatan kajian berkaitan kesan-kesan penggunaan produk pelangsingan ke atas aspek penurunan berat badan dan kesihatan responden. Untuk memahami kesan penggunaan produk pelangsingan ke atas responden, penyelidik telah meneliti pengalaman yang dilalui oleh responden dalam usaha menurunkan berat badan.

### Kesan Fizikal - Penurunan Berat Badan

Berdasarkan dapatan kajian, hampir keseluruhan jumlah responden bergantung kepada produk pelangsingan bagi mencapai berat badan ideal seperti yang dikehendaki oleh industri pekerjaan yang disertai oleh mereka. Responden melahirkan rasa gembira dengan kesan yang diperolehi selepas menggunakan produk pelangsingan kerana ia membantu mereka menurunkan berat dan ukuran badan dalam tempoh yang singkat tanpa bersusah payah untuk melakukan senaman. Berikut adalah pengalaman peragawati Fatty:

Mark : Kesan dia nampak cepat ke? Dalam tempoh berapa lama dia boleh nampak kesan?

Fatty : Kalau betul betul *cut*, *cut* makan lepas tu *double* kan [produk pelangsingan], tak sampai tiga hari.

Mark : Tak sampai tiga hari? You boleh hilang sampai berapa kilo?

Fatty : Dalam kilo tu takde la tapi dalam *inches*. Baju semua okay. Tapi bila baju tu dah longgar, bila orang cakap kau dah kurus la.. haa dia punya *benchmark* tu orang yang cakap. Tapi kesan yang paling ketara seluar la. Perempuan biasa *hips* besar kan. Seluar la. Saya *lower body* memang agak besar, so kalau seluar longgar rasa macam *loose* tu kira macam dah berjaya la.

Menurut Fatty, pengambilan produk pelangsingan dan pelan pemakanan yang ketat membantunya untuk mendapatkan ukuran yang dikehendaki dalam tempoh kurang dari tiga hari. Fatty menyatakan rasa gembira apabila rakan-rakan mengatakan bahawa dia kelihatan kurus. Menurut Fatty, selain daripada pandangan rakan-rakan, dia sendiri berasa yakin bahawa dirinya telah kurus apabila seluar yang biasa dipakai terasa longgar. Hasil yang diperolehi menyebabkan Fatty mempercayai bahawa produk pelangsingan membantunya untuk bertahan dalam kerjaya peragaannya. Menurut Fatty, sukar bagi dirinya untuk berhenti mengambil produk kerana kerjayanya bergantung kepada penampilan dirinya.

Pengalaman yang sama dirasai oleh pelakon Anne yang memperolehi kesan penurunan berat badan selepas hari ketiga mengambil produk. Menurut Anne, “*you ambil hari yang ketiga you nampak dah kesan dia*”. Fatty dan Anne menyatakan bahawa pelan pemakanan atau diet yang ketat hanya dibuat jika mereka mendapat tawaran peragaan atau lakonan dalam tempoh yang singkat seperti kurang daripada seminggu. Selepas tempoh tersebut berakhir, responden akan mengambil makanan seperti biasa tetapi dalam kuantiti yang terkawal.

Walau bagaimanapun, responden mengakui bahawa bukan mudah untuk mengawal selera makan. Justeru, pengambilan produk pelangsingan dapat membantu mengawal selera makan. Berikut adalah pengalaman responden.

“Kita perempuan ada waktu-waktu yang kita nak kuat makan *especially before period . . . so pil-pil ni membantu control makan*”  
(Fatty, pengguna pil *Duromine dan methamphetamine*)

“Macam kalau kita umur dah meningkat pun selera makan bertambah kan. Dia (sejenis *jus pelangsingan*) memang tak bagi selera makan. Makan sikit je dah kenyang.”  
(Anne, pengguna *jus pelangsingan, methamphetamine*)

“Dia (produk pelangsingan) kurangkan *appetite* kita. Kita tak rasa macam nak makan sangat. Macam saya kuat makan. Dia kurangkan la.”  
(Emma, pengguna pil *Adderall*)

Pengambilan produk pelangsingan membantu responden mengawal selera makan kerana ia membuatkan responden berasa kenyang dalam tempoh yang lama dan tidak perlu mengambil makanan yang tinggi karbohidrat seperti nasi dalam menu harian. Hal ini diakui oleh Ain yang sukar untuk mengelakkan nasi dalam pelan pemakanan. Namun, dengan bantuan produk pelangsingan, Ain boleh bertahan dengan hanya meratah milo sahaja.

“Saya jenis pemakan nasi yang tegar . . . dalam minggu ni saya tak lalu nak makan nasi, saya cuma minum air dan ratah milo je”  
(Ain, pengguna pil *Sibuteramine*)

Pengalaman responden menunjukkan pengambilan produk pelangsingan membantu responden untuk mengawal berat badan. Hal ini diakui oleh Cheney (2011) yang menyatakan bahawa produk pelangsingan membantu individu mengikat selera makan.

Namun, responden berhadapan dengan situasi di mana penurunan berat badan dengan bantuan produk pelangsingan hanya bersifat sementara sahaja kerana selepas satu tahap penurunan akan menjadi perlahan disebabkan oleh masalah *metabolism disorder*. Apabila responden

berhadapan dengan masalah ini, mereka akan mencuba produk lain yang dipercayai lebih berkesan tanpa menyedari bahawa produk sedemikian mungkin mengandungi campuran dadah dalam dos yang lebih tinggi. Pelayan tamu Sara, misalnya menyatakan bahawa dia sentiasa mencari produk pelangsingan yang betul-betul berkesan. Justeru, Sara tidak akan teragak-agak mencuba mana-mana produk pelangsingan yang ada di pasaran dan sanggup untuk melaburkan wang yang banyak bagi mencari produk yang dianggapnya terbaik.

Penyelidik mendapat responden yang bertindak lebih berani dengan menggabungkan pengambilan produk pelangsingan dengan dadah sintetik jenis *methamphetamine* yang juga dikenali sebagai syabu bagi memperolehi penurunan berat yang lebih cepat dan berkesan. Peragawati Fatty misalnya, menggabungkan pengambilan produk jenis pembakar lemak (*fat burner*) dan syabu. Fatty menyatakan gabungan kedua produk tersebut berkesan dalam menurunkan berat dan ukuran badan dalam tempoh yang cepat selain daripada menjadikan dirinya cergas dan kekal aktif walaupun tidak tidur lebih daripada 24 jam. Berikut adalah pengakuan Fatty:

“Kadang-kadang tak tidur. Sampai dua hari tak tidur, pernah tak tidur 16 jam direct. More than that pun pernah. Sampai tiga hari pun pernah kadang-kadang tak tidur . . . tapi kita bertenaga, tak rasa penat”.

Scenario di atas menunjukkan responden sanggup melakukan pelbagai usaha bagi memastikan mereka memperolehi berat yang dikehendaki. Walau bagaimanapun, penurunan berat yang diperolehi oleh responden tidak kekal lama disebabkan oleh amalan diet yang tidak seimbang. Hal ini menyebabkan responden sentiasa mencari produk baru yang lebih berkesan, tidak kurang juga yang menggabungkan produk pelangsingan dengan dadah sintetik. Bahagian seterusnya membincangkan kesan-kesan ke atas kesihatan yang dialami oleh responden.

### **Kesan Ke Atas Kesihatan**

Dapatkan kajian juga menunjukkan bahawa responden turut mengalami gangguan kesihatan termasuk kesan fizikal dan emosi akibat daripada pengambilan produk pelangsingan. Antara kesan fizikal yang ketara yang didedahkan oleh responden adalah seperti dada rasa berdebar-debar, berpeluh dan panas kerana jantung berdegup laju. Responden yang menggunakan produk pelangsingan seperti *Duromine*, *Adderall*, *Figure Up*, *Sibuteramine* dan produk jenis pembakar lemak (*fat burner*) adalah individu yang mengalami kesan tersebut. Berikut adalah pendedahan responden:

“Dada saya ni selalu berdebar. So saya tanya kawan kan . . . dia kata biasa je effect dia kau akan rasa sakit dada kau tu akan laju”

(Nat, pengguna *Duromine*)

“Selalu lepas kita ambil tu sekejap dia rasa macam berdebar-debar . . . jadi macam gelisah sikit kan.”

(Emma, pengguna *Adderall*)

“Waktu consume, yes memang ada. Dia more to berdebar-debar, berpeluh, panas.”

(Fatty, pengguna produk jenis pembakar lemak (*fat burner*) dan *Duromine*)

Produk pelangsingan berbentuk pil seperti *Duromine*, *Sibutramine* dan *Adderall* mengandungi dadah jenis *phentermine* juga dikenali sebagai *dimethylphenethylamine*, iaitu sejenis dadah dalam kelas *amphetamine* yang bertindak sebagai psikostimulans untuk mengurangkan selera makan. Kajian ke atas penggunaan *sibutramine* di peringkat antarabangsa dikenali sebagai *Sibutramine on Cardiovascular Outcome Study* (SCOUT) mendedahkan bahawa pengguna *sibutramine* akan berhadapan dengan situasi di mana jantung berdegup laju walaupun dalam keadaan rehat. Jika keadaan ini dibiarkan berterusan ia akan meningkatkan risiko kardiovaskular seperti serangan jantung, stroke, pitam dan kematian secara mengejut (Dzyan, 2018).

Selain itu, *sibutramine* boleh menyebabkan gejala *acute myocardial infarction* dalam kalangan pengguna iaitu serangan jantung yang berlaku akibat daripada bekalan darah yang tidak mencukupi kepada sel-sel jantung. Menurut Dzyan Azlina, Pegawai Farmasi Pejabat Kesihatan Daerah Bachok, antara gejala yang ditunjukkan oleh individu yang mengalami *acute myocardial infarction* adalah seperti sakit dada yang menjalar hingga ke siku serta tangan, bahagian belakang badan, leher dan rahang. Adakalanya, sakit dada tersebut dirasa sebagai pedih hulu hati.

Kesan sampingan lain yang selalu dialami oleh pengguna produk pelangsingan yang mengandungi campuran dadah seperti *sibutramine* adalah sesak nafas, pitam, mual, berpeluh sejuk, dan rasa amat letih selain daripada mengalami masalah mulut kering, sembelit, sukar untuk tidur, pening dan sebagainya (Dzyan, 2018).

Penyelidik mendapati majoriti responden mengalami kesan seperti yang disebutkan oleh Dzyan Azlina. Responden yang menggunakan *Duromine* misalnya, mengalami kesan seperti sukar untuk tidur, pening atau sakit kepala dan lesu, letih dan tidak bermaya. Pelayan tamu, Sara yang menggunakan *Duromine* menyatakan bahawa selain merasa berdebar, dia juga mengalami kesukaran untuk tidur yang adakalanya berlarutan sehingga 24 jam.

Penyelidik berpendapat bahawa kesan seperti pening dan lesu adalah akibat responden mengalami masalah untuk tidur. Manakala kesukaran untuk tidur pula adalah disebabkan oleh kesan pengambilan produk pelangsingan. Hal ini disokong oleh kajian Oswald dan rakan-rakan (1968) dan Johnson dan Breslau (2001) yang menemui hubungan positif di antara pengambilan dadah terlarang di dalam produk pelangsingan dengan gangguan tidur.

Selain daripada kesan kesihatan, penyelidik mendapati penggunaan produk pelangsingan yang mengandungi campuran dadah dan juga penggunaan dadah sebagai bahan untuk mengawal berat badan juga memberikan kesan kepada emosi pengguna. Hal ini diakui oleh pelakon dan penyanyi, Emma yang menggunakan pil pelangsingan *Adderall*:

“. . . dia rasa macam gelisah, *anxiety*. Dia jadi macam kita tak boleh nak duduk diam. Macam mana eh, berpeluh tapak tangan” .

Menurut Emma rasa gelisah yang dialaminya bersifat sementara sahaja. Perasaan tersebut akan hilang selepas Emma berehat seketika. Justeru, Emma beranggapan kesan yang dialami merupakan reaksi biasa dan tidak merbahaya kepada kesihatannya.

Kesan emosi yang dialami oleh Emma turut dirasai oleh penyanyi Nat. Berbeza dengan Emma, Nat menggabungkan pengambilan pil *Duromine* dengan dadah jenis *ice* bagi mendapat

kesan pelangsingan yang optimum di samping mengekalkan stamina dan meningkatkan fokus semasa membuat presembahan pentas. Nat menyatakan bahawa dengan menggabungkan pil pelangsingan *Duromine* dan dadah jenis *ice*, dia mencapai berat yang dikehendaki, namun Nat berhadapan dengan masalah untuk mengawal emosi sendiri. Nat mengakui dia cenderung untuk menjadi pemarah walaupun ke atas perkara-perkara yang kecil dan tidak penting apabila kesan *ice* semakin berkurangan. Menurut Nat,

“...bila dia dah hilang dia punya *dose* tu, saya akan jadi macam nak marah kat orang. Kita cepat je nak melenting kat orang . . . bila kita bangun tidur pun ada lagi kita nak marah. Marah kat anak.”

### Kesimpulan

Kemahuan wanita untuk kelihatan langsing dan menarik sering merangsang mereka untuk mengambil produk pelangsingan. Kemahuan tersebut mempunyai perkaitan langsung dengan keinginan diri dan tuntutan kerjaya. Walaupun demikian, penggunaan produk pelangsingan dapat membawa kepada natijah buruk kepada pengguna. Ini adalah relevan dalam konteks produk pelangsingan yang bercampur dengan bahan terlarang. Dapatkan kajian ini menunjukkan penggunaan produk pelangsingan yang mengandungi bahan terlarang memberikan risiko ke atas kesihatan termasuk risiko kebergantungan serta ketagihan. Hal ini demikian walaupun dapatkan kajian menunjukkan bahawa produk pelangsingan sedemikian dapat menurunkan berat badan pengguna sebagaimana yang diingini dan memberikan tenaga bagi melakukan aktiviti-aktiviti harian. Oleh itu, langkah-langkah yang ampuh bagi menangani hal ini perlu dilaksanakan. Secara utamanya, program pendidikan haruslah dijalankan melalui kaedah yang bersesuaian serta efisien. Ini adalah seperti melaksanakan program pendidikan berorientasikan kerangka modul serta input yang jelas dan terancang ke arah meningkatkan kepekaan pengguna terhadap kandungan bahan, cara penggunaan dan kesan penggunaan produk pelangsingan. Input tersebut perlu diolah berdasarkan pandangan pakar. Selain itu, integrasi antara badan-badan kerajaan seperti Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Malaysia dan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dapat menyumbang kepada pembangunan program pendidikan dan kesedaran wanita yang mapam berkaitan produk pelangsingan. Di samping itu, sektor pekerjaan dalam industri peragaan, penerbangan dan hiburan yang mempunyai dasar dan garis panduan yang menjadikan saiz dan berat badan sebagai spesifikasi pekerjaan perlu melakukan penyemakan semula terhadap dasar dan garis panduan tersebut. Sebaliknya, sektor pekerjaan tersebut perlu memfokuskan pembinaan serta pelaksanaan dasar berkaitan konsultasi pemakanan. Ini penting bagi membantu pekerja dalam industri tersebut agar cantik melalui cara yang lebih sihat.

### Penghargaan

Para penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak AADK atas dana Geran Penyelidikan Ilmiah AADK Tahun 2018 bagi menjalankan kajian berkaitan pengambilan produk pelangsingan dan dadah dalam kalangan wanita di Malaysia.

### Rujukan

- Azizi, Y., Shahrin, H., Jamaluddin, R., Yusof, B., & Abd Rahim, H. (2007). *Menguasai penyelidikan dalam pendidikan*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Azmi, H. M., Al-Tamimi, S. K., Dawood, O. T., Verma, A. K. & Saleem, F. (2016). Malaysian cosmetic market: current and future prospects. *Pharmaceutical Regulatory Affairs*, 4:4.

- Bahagian Penguatkuasaan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia. (2018). *Senarai produk yang diharamkan*. Petaling Jaya: Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Blanck, H. M., Serdula, M. K. & Gillespie, C. (2007). Use of non-prescription dietary supplements for weight loss is common among Americans. *Journal of the American Dietetic Association*, 107(3), 441–447.
- Bloor, M. (2016). Addressing social problems through qualitative research. In Silverman, D. (Ed.), *Qualitative research* (pp. 15-30). Sage.
- Blume, S. (1990). *Secret survivors: Uncovering incest and its aftereffects in women*. New York, NY: Ballantine Books.
- Brownell, K. D. (1998). Diet, exercise and behavioural intervention: the nonpharmacological approach. *European Journal of Clinical Investigation*, 28, 19-21.
- Chan, T. Y. K. (2009). Potential risks associated with the use of herbal anti-obesity products. *Drug Safety*, 32(6), 453–456.
- Cheney, A. M. (2011). Most girls want to be skinny” body (dis) satisfaction among ethnically diverse women. *Qualitative Health Research*, 21(10), 1347-1359.
- Denzin, N., K. 7 Lincoln, Y., S. (Eds). (2011). The SAGE Handbook of Qualitative Research. London: Sage.
- Dzyan, A. (2018). Kesan negatif sibutramine. Harian Metro. 18 Mac 2018. Diakses daripada <https://www.pressreader.com/> pada 24 Februari 2019.
- Eisah, A. R.**, Amaran kepada orang awam mengenai pengambilan produk tidak berdaftar figure-up, Program Perkhidmatan Farmasi, KKM, 30 Oktober 2013. Diakses daripada <https://www.pharmacy.gov.my/v2/ms/berita/30-okt-2013/amaran-orang-awam-mengenai-pengambilan-produk-tidak-berdaftar-figure.html> pada 20 Oktober 2019.
- Fauziah, I., Salina, N., Ezarina, Z., Azmi, A. M., Mohd Suhaimi, M., Chong, S. T. (2013). Measuring self-esteem, resilience, aggressive behavior and religious knowledge among women drug inmates in Malaysia. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 21, Special Issue, 31-44.
- Jayawardena, R., Sooriyaarachchi, P., Ranasinghe, P., Perera, A., & Hills, A. P. (2018). Availability and composition of weight-loss supplements in Sri Lanka. *Nutrition & Dietetics*.
- Johnson, E. O., & Breslau, N. (2001). Sleep problems and substance use in adolescence. *Drug and Alcohol Dependence*, 64(1), 1 – 7.
- Litvan, L., & Alcoverro-Fortuny, Ò. (2007). Sibutramine and psychosis. *Journal of clinical psychopharmacology*, 27(6), 726-727.
- Norkumala, A. (2016). Cantik: Di mana tahap kesedaran pengguna? Diakses daripada <http://www.utusan.com.my/renanca/utama/cantik-di-mana-tahap-kesedaran-pengguna-1.239920> pada 10 Oktober 2019.
- Oswald, I., Jones, H. S., & Mannerheim, J. E. E. (1968). Effects of two slimming drugs on sleep. *British Medical Journal*, 1(5595), 796.
- Rust, N.A., Abrams, A., Challender, D.W., Chapron, G., Ghoddousi, A., Glikman, J.A., Gowan, C.H., Hughes, C., Rastogi, A., Said, A. & Sutton, A. (2017). Quantity does not always mean quality: the importance of qualitative social science in conservation research. *Society & Natural Resources*, 30(10), 1304-1310.
- Saper, R. B., Eisenberg, D. M. & Phillips, R. S. (2004). Common dietary supplements for weight loss. *American Family Physician*, 70(9), 1731–1738.
- Sharpe, P.A., Granner, M. L., Conway, J. M., Ainsworth, B. E. & Dobre, M. (2006). Availability of weight-loss supplements: Results of an audit of retail outlets in a Southeastern City. *Journal of the American Dietetic Association*, 106(12), 2045–2051.
- Torfinski, T. & Chojnacka, J. (2000). Sibutramine-associated psychotic episode. *Am J Psychiatry*, 157(4), 2057-2058.

Tyldum, G. (2012). Ethics or access? Balancing informed consent against the application of institutional, economic or emotional pressures in recruiting respondents for research. *International Journal of Social Research Methodology*, 15, 199–210.